

LATIHAN D : Soalan 1 dan 5

Pilih **kata adjektif** yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam teks di bawah.

sepi	jauh	kelat	lewat	gopoh	bengis
pagi	awal	sejuk	malam	cermat	lembut

Jam dinding sudah menunjukkan tepat pukul 7:00 _____. Atikah baru sahaja terjaga kerana dia tidur _____ malam. Atikah tidak sempat bersarapan, dia hanya minum beberapa teguk air teh _____ yang terletak di atas meja makan. Atikah mengayuh basikalnya ke sekolah dengan _____ walaupun dia sudah terlewat. Dengan tidak semena-mena, Atikah terbayang wajah _____ guru disiplinnya yang sedang tercegat di pintu pagar sekolah. Namun, dia mengayuh basikalnya dengan tenang dan berhati-hati.

[5 markah]

LATIHAN E : Soalan 1 hingga 5

Garis jawapan (**kata adjektif**) yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- 1 Menjelang dinihari yang (syahdu / tenang / hening) Wan Hisyamuddin terpaksa turun juga ke laut untuk mencari rezeki.
- 2 "Kain Sutera Terengganu ini memang (licin / empuk / halus) buatannya dan mahal pula harganya," kata jurujual itu lagi.
- 3 Para pengunjung dapat melihat pelbagai spesies ikan air tawar di dalam kolam itu kerana airnya sangat (putih / jernih / cerah).
- 4 Badan ikan pari yang (pipih / bujur / tirus) itu membolehkan ikan tersebut bersembunyi pada permukaan pasir di dasar laut.
- 5 Pembakaran kawasan hutan secara terbuka tidak harus dilakukan oleh mana-mana pihak terutamanya pada musim (hujan / panas / dingin).

[5 markah]

LATIHAN G : Soalan 1 dan 3

Betulkan kesalahan penggunaan **kata adjektif** dalam ayat yang diberi.

- 1 Kavitha dimasukkan ke hospital kerana dia digigit oleh seekor anjing *samseng*.
- 2 Anak Encik Nazari yang baru berusia lima tahun begitu *fasih* menggunakan komputer.
- 3 Puan Kamariah selalu menggunakan air limau kasturi untuk menghilangkan bau *hapak* ikan air tawar.

[3 markah]